



HAYATI (empat kanan) bersama Exco Kesumba UMSKAL selepas Majlis Ramah Mesra di Bilik Mesyuarat Seminar, kelmarin.

Kesumba rancang adakan tiga aktiviti

UB 16.4.16 AB

LABUAN: Kelab Suri Rumah dan Staf Wanita (Kesumba) Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) akan mengadakan tiga aktivitinya dalam masa terdekat ini.

Pengerusinya, Hayati Salleh Baihaki berkata tiga aktiviti itu ialah Charity Car But Sale yang akan diadakan pada 29-30 April dan Hari Keluarga Kesumba pada 7 Mei depan.

Manakala satu lagi aktiviti iaitu Zumba yang membabitkan kakitangan wanita dan pelajar universiti itu diadakan kelmarin (Jumaat).

Beliau yang juga Penolong Pendaftar Kanan, Jabatan Bendahari UMS berkata melalui aktiviti tersebut, hubungan antara kakitangan wanita di UMSKAL semakin erat berikutan kedudukan mereka yang berhampiran.

“Kesumba merancang pelbagai program sepanjang tahun ini dengan dimulakan aktiviti Zumba, Charity Car But Sale dan Hari Keluarga.

Saya berharap kakitangan wanita akan merebut peluang itu untuk menjayakannya sambil beramah mesra dengan ahli keluarga masing-masing, “katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Ramah Mesra Bersama Ahli Kesumba KAL di Bilik Seminar Kiamsam, Bangunan Menara, kelmarin.

Turut hadir Setiausaha Kehormat Kesumba KAL, Norhanizah Adnan, Bendahari Eldayana Suhaili dan Penolong Setiausaha, Rohani Yusop.

Pada majlis itu juga, Hayati menyampaikan watikah pelantikan kepada Ketua dan Exco Biro Ekonomi dan Kepenggunaan, Pendidikan dan Latihan, Kerohanian dan Pembangunan Insan, Sukan dan Kebudayaan serta Penerangan dan Perhubungan di samping juruaudit.

Hayati berkata selain majlis ramah mesra, turut diadakan pembentangan laporan kewangan dan aktiviti sepanjang tahun ini.